

10/02/2001

Datuk Othman rapat dengan anak buah

HANYA satu cara membuatkan kerja menjadi mudah dan disenangi semua pihak: terima dan lakukan tugas dengan ikhlas, penuh tanggungjawab tanpa banyak merungut dan rapat dengan anak buah.

Itulah rahsia atau prinsip yang sentiasa dijadikan pegangan oleh Panglima 2 Divisyen Udara, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Brig Jen Datuk Othman Sulan, 55, selama 37 tahun berkhidmat dengan TUDM.

Tidak dinafikan, raut wajahnya yang sentiasa tersenyum, riang menerima sesiapa saja tetapi tegas, membuatkan hati tertanya-tanya mungkin itu yang membuatkan beliau disegani oleh rakan dan anak buahnya.

Othman menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 8 Januari 1964 dan bersara dengan rasmi pada Khamis lalu.

Ketika ditanya mengenai rahsiannya itu, beliau berkata: "Bagi saya dunia ketenteraan adalah perkara utama dalam hidup. Sebab itu saya menumpukan sepenuh perhatian kepada amanah yang diberikan. Saya bersedia dihantar ke mana saja tanpa banyak soal dan tempat.

"Ketika menerima tauliah tetap pada 6 Disember 1964, saya tetapkan niat - inilah karier saya sebenarnya," katanya.

Walaupun ada pelatih di TUDM yang menjadikan latihan sebagai pemangkin mencari kerja yang lebih lumayan seperti bekerja dengan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), tetapi beliau tetap dengan pendiriannya, berkhidmat untuk negara.

Kini, ramai rakan seangkatan dengannya sudah sampai kepenghujung karier dan bersara termasuk Bekas Timbalan Panglima Tentera Darat, Brig Jen Datuk Seri Abdul Aziz Hassan yang akan bersara Mac ini.

Anak kelahiran Seri Menanti, Negeri Sembilan ini berkata, beliau bangga kerana dapat menabur bakti untuk negara walaupun terpaksa menghabiskan dunia remajanya dengan tentera.

Bermula dengan latihan asas penerbangan di New Zealand selama setahun pada 1965 dan latihan QFI di New Zealand pada 1969, beliau terus mengorak langkah sehingga pernah menyandang hampir 20 jawatan sehingga yang terakhir sebagai Panglima 2 Divisyen Udara.

"Bayangkan, saya menyertai tentera pada usia 17 tahun lapan bulan, bermula dengan latihan di New Zealand. Jika mengikut kehendak bapa, saya sudah tentu menjadi pegawai pertanian kerana dia bekerja di sana (pegawai pertanian).

"Tetapi saya ada minat tersendiri dan tidak pernah menyesal malah berbangga kerana menyumbang bakti untuk negara dalam bidang ketenteraan," katanya.

Beliau yang kini dalam proses menyesuaikan diri sebagai orang awam sejak membabitkan diri dalam dunia penuh disiplin sejak remaja berkata, perubahan itu memerlukan masa kerana terlalu lama dalam tentera.

Bahkan semasa bertugas sebagai Juruiring Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada 1994 sehingga 1996 beliau mula belajar sedikit demi sedikit kehidupan sebagai orang awam kerana banyak terbabit dalam masyarakat.

Menyingkap sejarah pembabitannya, beliau pernah bertugas sebagai juruterbang dan menguruskan kapal terbang orang kenamaan termasuk empat Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussien, Tun Hussien Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain latihan asas penerbangan di New Zealand, beliau juga terbabit dalam latihan QFI di New Zealand pada 1969; tugas turus di Lateda; Muslihat Semua Perkhidmatan di Pulada, Latihan Kakitangan di United

Kingdom, Overseas Joint Warfare di Australia pada 1984 dan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) di Kementerian Pertahanan.

Bahkan bapa kepada enam orang anak itu juga pernah menjadi Kapten pesawat Melayu yang pertama.

"Bagi saya sekiranya mematuhi syarat asas penerbangan iaitu mengikut piawaian dan keselamatan yang ditentukan, Insyaallah akan selamat. Setakat ini saya tidak pernah mengalami kejadian buruk seperti terhempas.

"Teknologi dulu jauh berbeza berbanding sekarang yang boleh dikatakan terlampau senang," katanya.

Sebelum ini, beliau pernah bertugas sebagai Ketua Pemerintah di No 2, No 4 Skuadron; Ketua di No 1 dan No 8 Skuadron; Ketua Penerbangan di TUDM Kuala Lumpur; Jurulatih Cawangan Penerbangan di Kuala Lumpur; Tugas Timbalan Pendahuluan TUDM Subang; Pegawai Pemerintah I TUDM Kuching dan Kuantan serta yang terakhir sebagai Panglima 2 Divisyen Udara pada 2000 sehingga bersara.

Menceritakan pengalaman bertugas di merata tempat, beliau sentiasa mengamalkan pendekatan mesra dengan anggota.

"Paling penting, jaga orang bawahan. Jangan abaikan kebajikan seperti gaji, kemudahan serta bersedia mendengar masalah mereka.

"Dengan cara ini, mereka akan lebih rapat dan mesra, secara tidak langsung segala tugas dan arahan berjalan dengan mudah. Bagi saya, mereka adalah kawan saya, tetapi jika melakukan kesalahan, mereka akan tetap dihukum," katanya.

Semasa berkhidmat di Kuching, Sarawak, beliau banyak menganjurkan pelbagai program kebajikan, sukan, rekreasi dan sosial untuk anggotanya.

Bahkan ketika di Kuantan, beliau menubuhkan kelab ekuestrian dan mendapat bantuan daripada istana Pahang untuk membeli kuda.

"Paling seronok kerana keluarga saya sentiasa bersama menyokong walau di mana saya bertugas. Itu juga semangat bagi saya," katanya.

Hasil perkongsian hidup dengan Datin Noraini Abdul Ghani, beliau dikurniakan enam cahaya mata.

Mereka ialah Edri Muliz, 33, yang bekerja sebagai arkitek di Putrajaya; Fariz Muliz, 31, pekerja swasta di Bangi selepas baru tamat belajar di United Kingdom; Mohamad Tariq, 22, dan Siti Nor Azlina, 21, yang menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM); Siti Nor Azura, 18 yang sedang menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Mohamad Taufiq, 4.

(END)